

Langkah hantar pulang Misuari wip'ar BH 20 JAN 2002

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak boleh dipersalahkan kerana menghantar pulang Nur Misuari, bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), ke Filipina untuk menghadapi tuduhan melancarkan pemberontakan.

Pengarah Pusat Penyelidikan Bangsamoro, Zakaria Abdullah dalam kenyataan di sini semalam berkata, Dr Mahathir bertindak jujur menyerahkan Misuari kepada Manila.

"Sebagai ketua negara, Dr Mahathir perlu melindungi kepentingan negara Malaysia. Misuari juga perlu menjawab beberapa tuduhan yang dikemukakan terhadapnya oleh kerajaan Filipina serta penduduk Moro selaku pemimpin ARMM," katanya.

Zakaria berkata, yang Dr Mahathir lakukan adalah wajar dan mengikut undang-undang antarabangsa.